



SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

Great Eastern Takaful dinobatkan sebagai Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik 2024 dan merangkul Anugerah Inisiatif ESG

Memperkukuh Komitmen ke arah Kecemerlangan dan Kelestarian

22 Oktober 2024, Kuala Lumpur – Great Eastern Takaful Berhad (GETB) mencatat satu lagi pencapaian bermakna apabila dinobatkan sebagai Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik 2024 di Global Islamic Finance Awards (GIFA) dan seterusnya menerima Anugerah Inisiatif – Penghasilan Semula (*Upcycling*) oleh Anugerah ESGBusiness. Pengiktirafan berprestij ini membuktikan komitmen Great Eastern Takaful terhadap kecemerlangan dan inovasi dalam industri takaful di samping memperkukuhkan langkah dalam meningkatkan kesedaran akan kepentingan perlindungan alam sekitar melalui pendidikan dan inisiatif penghasilan semula (*upcycling*).

Melalui penganjuran Majlis Anugerah GIFA 2024 yang diadakan di Republik Maldives, ia merupakan pengiktirafan terkemuka yang meraikan kecemerlangan dalam landskap kewangan global di samping memberi penghargaan kepada institusi dan individu yang telah melakar pencapaian penting dalam industri kewangan Islam. Dengan penganugerahan yang diterima, Great Eastern Takaful turut membuktikan komitmen dan usaha gigih dalam menyediakan perlindungan takaful yang komprehensif serta menawarkan perkhidmatan berkualiti kepada para pelanggan yang dihargainya.

Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Takaful, Encik Shahrul Azlan Shahrman, menzahirkan rasa syukur dalam kenyataannya, “Sebagai pengendali takaful keluarga yang bermatlamat untuk memenuhi aspirasi para pelanggan kami, kami amat berbesar hati untuk menerima pengiktirafan ini yang membuktikan usaha gigih kami dalam menyediakan perlindungan kesihatan dan kewangan yang komprehensif kepada rakyat Malaysia. Dengan sokongan daripada warga kerja yang berdedikasi, perunding takaful serta rakan pengedaran yang kukuh, kami mampu berdiri teguh dalam membolehkan masyarakat untuk saling membantu pada saat yang memerlukan. Sebagai salah satu pengendali takaful terkemuka di Malaysia, anugerah ini melambangkan komitmen kami untuk membantu merapatkan jurang perlindungan dalam kalangan rakyat Malaysia, dan kami akan terus memperkukuhkan perniagaan kami dengan mencapai kecemerlangan melalui peningkatan kecekapan, keterangkuman, dan transformasi digital demi kemajuan industri takaful.”

Tambahan daripada pencapaian yang telah dikecapi, Great Eastern Takaful turut menerima penganugerahan bagi Anugerah Inisiatif - Malaysia untuk penghasilan semula

(upcycling) di Majlis Anugerah ESGBusiness 2024 yang diadakan di Singapura. Penghargaan ini mengiktiraf usaha syarikat terhadap kelestarian alam sekitar menerusi inisiatif hasil semula di bawah salah satu teras utama tanggungjawab sosial korporatnya (CSR) iaitu GET-Green. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan kesedaran terhadap isu pencemaran plastik yang kian membimbangkan di samping memperkenalkan amalan hasil semula melalui pendidikan dan demonstrasi mesin berinovatif, Upcycling 2-dalam-1 kepada para pelajar dan komuniti setempat. Sehingga kini, inisiatif ini telah berjaya menjangkau lebih 12,000 individu dan mencatatkan lebih 50,000 jam latihan.

“Anugerah ini amat istimewa bagi kami kerana kami telah menunjukkan kesungguhan dan usaha dalam memainkan peranan ke arah masa depan yang lebih lestari. Kami turut percaya bahawa kelestarian dan pemeraksanaan komuniti adalah berhubung kait di antara satu sama lain. Inisiatif hasil semula yang diperkenalkan ini bukan sahaja bertujuan mengurangkan penghasilan sisa plastik malahan turut memberikan impak positif melalui pendidikan dan kesedaran kepada masyarakat tentang tanggungjawab terhadap alam sekitar. Melalui program pendidikan, kerjasama tempatan dan pembangunan kemahiran, inisiatif ini telah menyatukan masyarakat untuk mencapai matlamat yang sama. Bersama-sama, kita membina masa depan yang bukan sahaja lestari tetapi juga inklusif dan memperkasakan semua pihak. Kemenangan ini adalah untuk semua yang telah menyumbang kepada kejayaan inisiatif ini,” tambah beliau.

-TAMAT-

MENGENAI GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD

Great Eastern Takaful Berhad adalah syarikat usaha sama antara i Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, Great Eastern Takaful komited dalam menyediakan produk perlindungan takaful keluarga komprehensif yang memberi perlindungan kesihatan dan kewangan patuh syariah dalam usahanya untuk merapatkan jurang perlindungan di kalangan rakyat Malaysia, termasuk kumpulan berpendapatan rendah (B40). Menzahirkan pendekatan Takaful untuk Semua, operasi perniagaan GETB disokong oleh pelbagai saluran pengedaran, rakan perniagaan korporat dan perbankan untuk terus mengukuhkan kedudukannya dalam industri dan memenuhi keperluan perlindungan para pelanggan.

Melangkaui operasi perniagaan, Great Eastern Takaful juga giat menjalankan pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial yang memfokuskan pendidikan (GET-Pintar), pembangunan komuniti (GET-Care) dan kelestarian alam sekitar (GET-Green) demi membantu masyarakat memperoleh kualiti hidup yang lebih baik.

Aspirasi Great Eastern Takaful untuk mencapai kejayaan bersama rakyat Malaysia adalah terbukti melalui pelbagai anugerah dan pengiktirafan tempatan dan antarabangsa. Antara pengiktirafan terkini adalah anugerah “Pengendali Takaful Terbaik Malaysia 2022” oleh Global Business Outlook Awards dan pada tahun 2023, Great Eastern Takaful diiktiraf sebagai “Most Valuable Brand – Takaful Solutions” oleh The BrandLaureate BestBrands Awards, “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic

Finance Awards (GIFA) serta pelbagai anugerah Takaful Star Awards oleh Persatuan Takaful Malaysia. Tahun 2024 menyaksikan Great Eastern Takaful diperakui sebagai “Majikan Terbaik” oleh Anugerah Majikan Terbaik Kincentric, dianugerahkan sebagai “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA) di samping diiktiraf dengan “Anugerah Inisiatif – Upcycling” oleh ESGBusiness Awards. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.greateasterntakaful.com

Pihak Kerajaan juga telah melantik Great Eastern Takaful sebagai pengurus skim mySalam, yang merupakan skim perlindungan kesihatan nasional yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Mastura Abd Rahim

Penolong Naib Presiden – Penjenamaan & Komunikasi Korporat

Great Eastern Takaful Berhad

Tel : 016 - 209 234

E-mel : MasturaAbdRahim@greateasterntakaful.com